

GARIS PANDUAN PENETAPAN STATUS AHLI KARIAH MASJID DAN SURAU NEGERI SELANGOR

1. SYARAT AHLI KARIAH YANG LAYAK MEMBUAT PENCALONAN

Pendaftaran ahli kariah Masjid / Surau dilaksanakan mengikut Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam 1989, Kaedah-Kaedah Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah (Negeri Selangor) 1995 Pindaan Tahun 1999 dan 2001. Bagi tujuan pendaftaran dan pencalonan, syarat ahli kariah adalah seperti berikut:

- 1.1 Warganegara Malaysia.
- 1.2 Berumur 18 tahun dan ke atas bagi lelaki dan perempuan.
- 1.3 Tinggal tetap bermukim dan bermastautin di dalam kariah Masjid/Surau.
- 1.4 Hendaklah berdaftar dengan Masjid/Surau sebagai ahli kariah .
- 1.5 Berpegang dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah.
- 1.6 Solat berjemaah di Masjid/Surau dalam kariah; atau
- 1.7 Membayar zakat fitrah dalam kariah; atau
- 1.8 Menunaikan solat hari raya; atau
- 1.9 Solat Jumaat dalam kariah Masjid
- 1.10 Ahli kariah Surau juga secara tidak langsung adalah ahli kariah Masjid yang di bawah pentadbiran Masjid berkenaan.

2. PENETAPAN KEDUDUKAN SEMPADAN ANTARA MASJID DAN ANTARA SURAU

Bagi menentukan sempadan ahli kariah antara Masjid / Surau hendaklah berpandukan perkara berikut:

- 2.1 Menggunakan sempadan sedia ada yang digunapakai oleh Pihak Berkuasa Tempatan atau Pejabat Daerah atau Pejabat Agama Islam Daerah.
- 2.2 Menggunakan sempadan berpandukan kedudukan taman perumahan / jalan / lebuh raya / sungai dan Surau .
- 2.3 Menggunakan sempadan dengan mengenal pasti kedudukan Masjid / Surau.
- 2.4 Menggunakan pembahagian sama jarak sempadan bagi Masjid / Surau yang terlalu hampir atau kurang daripada 3 km.

3. KAEDAH PENDAFTARAN AHLI KARIAH

Pendaftaran ahli kariah hendaklah menggunakan kaedah pendaftaran dan bancian berikut:

- 3.1 Setiap ahli kariah hendaklah mendaftarkan keahlian dengan mengisi borang pendaftaran ahli kariah melalui Setiausaha, Jawatankuasa Masjid dan Pegawai Masjid serta Surau yang diberi kuasa oleh MAIS serta mengembalikannya dalam tempoh dua minggu.
- 3.2 Setiausaha Masjid atau Surau hendaklah mengemaskini daftar ahli kariah selewat-lewatnya sebelum berakhir bulan Jun setiap tahun
- 3.3 Membuat hebahan kepada ahli kariah tentang pendaftaran melalui cara berikut:
 - i. Pengumuman sebelum solat Jumaat.
 - ii. Pengumuman melalui laman sesawang (website) dan media sosial.
 - iii. Mengadakan minggu pelancaran.

- iv. Edaran maklumat dan borang dari rumah ke rumah oleh ahli jawatankuasa.
 - v. Melalui wakil Surau, wakil penduduk dan wakil taman perumahan.
- 3.4 Setiausaha Masjid atau Surau hendaklah sentiasa menyemak dan mengemas kini daftar ahli kariah dalam Buku Daftar Ahli kariah.
- 3.5 Pihak Pengerusi atau Setiausaha Surau hendaklah memastikan dan mengesahkan senarai ahli kariah bersama nazir masjid atau ketua kampung.
- 3.6 Bancian ulangan hendaklah diadakan sekiranya didapati daftar ahli kariah tidak mencukupi.

4. BANCIAN DAN PENDAFTARAN AHLI KARIAH

Setiausaha Surau hendaklah bertanggungjawab untuk melaksanakan bancian dan pendaftaran seperti berikut:

- 4.1 Mengedar dan menerima borang pendaftaran.
- 4.2 Mewujudkan rekod daftar ahli kariah.
- 4.3 Mengemaskini rekod daftar mengikut borang bancian yang telah lengkap diisi.
- 4.4 Mempamerkan senarai nama ahli kariah Surau mengikut abjad dalam tempoh 30 hari atau selewat-lewatnya 14 hari sebelum tarikh Mesyuarat Agung Khas Pencalonan.

5. BANTAHAN / ADUAN / KECICIRAN

Sebarang bantahan, aduan atau keciciran senarai dalam rekod daftar kariah, ahli kariah hendaklah:

- i. Mengemukakan bantahan kepada Pengerusi Surau secara bertulis.
- ii. Pengerusi Surau boleh menerima atau menolak bantahan / aduan dalam tempoh 7 hari dari tarikh bantahan.
- iii. Jika aduan / bantahan diterima, Borang Pendaftaran Ahli kariah hendaklah diberi dan diisi oleh Ahli kariah dan diserahkan kepada Setiausaha Surau untuk didaftarkan.

6. LUCUT KEAHLIAN AHLI KARIAH

Status keahliah ahli kariah boleh lucut atau hilang dengan:

- i. Tidak bermastautin atau bermukim di dalam kariah berkenaan.
- ii. berpindah keluar dari kariah.
- iii. Meninggal dunia.

7. PENUTUP

Garis panduan ini dikemaskini berdasarkan kepada Kaedah-Kaedah Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah (Negeri Selangor) (Pindaan) 2001.

Disediakan oleh:

Bahagian Pengurusan Masjid

Jabatan Agama Islam Selangor